

06/05/2000

Calon, perwakilan terap budaya luhur

Kadir Dikoh

PERTEMUAN PERTAMA

Tarikh: 24 April 2000

Lokasi: Kompleks Seri Perdana, Putrajaya

Agenda: Politik wang

PERTEMUAN 15 calon iaitu sembilan calon Naib Presiden, dua calon Ketua Wanita, dua calon Naib Ketua Wanita dan dua calon Naib Ketua Pemuda bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Majlis di kediaman rasmi Perdana Menteri itu bermula kira-kira jam 8.10 malam sebelum mesyuarat bermula sejam kemudian. Presiden Umno menyampaikan amanat selama kira-kira 50 minit mengenai bahaya politik wang dan apa akan terjadi kepada Umno jika ia tidak dibanteras. Beberapa calon Naib Presiden turut memberi pandangan.

Kemudian semua calon menandatangani perakuan untuk menghentikan apa juga bentuk kempen menjelang pemilihan di Perhimpunan Agung Umno bermula 10 Mei ini. Perakuan itu dirangka oleh dua daripada sembilan calon sebelum semuanya menghalusi dan mempersetujuinya untuk dikemukakan kepada Dr Mahathir. Pertemuan berakhir kira-kira jam 11 malam.